


# WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## K A N D U N G A N :

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM. CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM. CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dofah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63



No. Fail MBNS. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—: ★ :—

Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Perseatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

**DATO' RAIS YATIM**  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



كبرياتوان سجاړا ماليسيا  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY**

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

---

## SERPIHAN RASA

—: 0: —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD. ISA DATO' HJ. AD. SAMAD PMC)

Pengerusi

Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

# RENCANA PENGARANG



Buat sekian kalinya 'Warisan' telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.


Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.

# JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1981 — 82



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**



1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan  
(Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakari  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jejebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**



1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

—————: ★ :—————

- Pengerusi* : En. Hashim bin Jasa, AMN.
- Setiausaha* : En. Ramthan bin Hj. Maarof
- Pen. Setiausaha* : En. Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa* : Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PIK.  
En. Abd Hamid bin Idris  
En. Mustafa bin Hj. Sharif  
En. Mohd. Hisa bin Tahat  
En. Tan Ghee Peng, AMN.  
En. Ahmad bin Sihat  
En. Mazlan bin Abdullah  
En. Ibrahim bin Mustafa  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.  
Puan Aishah bte Md. Sharif  
Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

—————: ★ :—————

- Pengarang* : En. Mazlan bin Abdullah (Ketua)  
En. Ibrahim bin Mustafa  
En. Mohd. Misan bin Mastor
- Rekabentuk* : En. Abd. Hamid bin Idris
- Kewangan & Pemasaran* : En. Tan Ghee Peng, AMN.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.



# CIRI-CIRI MENARIK DARI PERBILANGAN ADAT PERPATIH

(OLEH HAJJAH AISHAH BTE SHARIF)



Orang-orang Melayu khasnya orang-orang Melayu di Negeri Sembilan, iaitu di kalangan masyarakat Adat Perpatih, kata-kata berirama, tidak asing lagi bagi mereka. Di majlis pertunangan, perkahwinan dan majlis-majlis yang lain “Pantun” merupakan penyambung lidah yang amat berkesan.

Satu lagi ciri-ciri puisi yang menjadi basahan dan seolah-olah sebagai asas undang-undang masyarakat ini ialah “Perbilangan”. Dengan mengkaji perbilangan kita dapat mendekati cara hidup masyarakat Adat Perpatih dengan lebih mendalam dan bererti. Perbilangan ini menggambarkan aspek hidup masyarakat itu dari berbagai-bagai segi. Memang indah kata-kata yang digunakan di dalam “Perbilangan” itu, disusuli dengan pengertian yang penuh tenaga dan tujuan. Perhatikanlah rangkaian “Perbilangan” ini:

Kok buta buat penghembus lesung,

Kok pekak buat pembakar meriam,

Kok alim hendakkan doanya,

Kok cerdik hendakkan rundingan,

Kok bodoh disuruh arah.

Dari rangkaian Perbilangan di atas kita dapat menggambarkan betapa eratnya unit-unit masyarakat dalam ‘Adat Perpatih’. Perbilangan ini memberi kita gambaran bahawa setiap individu itu, tidak kira dari kalangan mana, ada guna dan perannya masing-masing. Perbilangan ini seolah-olah memberi penghormatan kepada setiap individu. Setiap potensi individu itu ada faedahnya kepada masyarakat. Mereka akan didampingi dan diperlukan, tidak seorang pun akan dilupakan walaupun mereka cacat atau tidak. Tiap-tiap baris dari perbilangan di atas memberi erti bahawa masyarakat ini tidak memilih bulu, mereka percaya tiap-tiap individu yang dijadikan Allah itu ada gunanya di sisi mereka. Yang buta misalnya tidaklah boleh dihina-hinakan, ada peranan mereka, setidaknya buat penghembus lesung. Kiranya hendak membakar meriam serahkan sahaja kepada si pekak. Begitulah seterusnya kepada yang alim sudah tentulah amat berharga di sisi mereka. Kepada yang alim diberikan tugas untuk memohon doa agar masyarakat mereka direstui Allah. Yang cerdik pula untuk dibawa berunding agar apa yang diperbincangkan dapat memberi faedah kepada semua. Kiranya Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengdeklarasikan Tahun 1981 sebagai tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat, tetapi masyarakat Adat Perpatih telah lama menghormati dan menjadikan orang-orang cacat itu sebahagian daripada unit masyarakat yang tidak dilupakan.

Perhatikan pula “Perbilangan” ini:

Hati kuman sama dicecah,

Hati gajah sama dilapah.

Perbilangan ini menggambarkan pula betapa rapat dan padunya masyarakat ini. Fahaman demokrasi samarata-samarasa sudah lama berakar umbi di jiwa mereka. Kiranya Abraham Lincoln memperjuangkan "Dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat" di awal abad 18, mungkin selogannya itu sama dicipta oleh ahli budayawan Adat Perpatih di abad lampau seperti mana perbilangan di atas, yang bererti kalau sedikit sama-samalah merasakan seorang sedikit, kiranya banyak, banyaklah bahagian masing-masing. Memang jitu dan lengkap sekali rangkaian bahasa perbilangan ini.

Ke bukit sama didakki,

Ke lurah sama dituruni.

Perbilangan ini juga melambangkan perpaduan masyarakat di kalangan Adat Perpatih. Kita tahu perbilangan yang seolah-olah telah menjadi undang-undang itu memang tidak dapat dinafikan kebenarannya. Hingga ini intisari perbilangan ini masih berdiri teguh di kalangan masyarakat luar bandar, di masa sakit pening, kenduri-kendara, sifat gotong-royong dan susah sama susah, senang sama senang dipraktikkan. Dari perbilangan ini juga kita dapat mentafsirkan bahawa orang-orang di dalam masyarakat ini, kalaulah mereka mengikuti pengajaran dari perbilangan itu bukanlah individu yang mementingkan diri sendiri, mereka terdiri dari individu yang bersatu hati dan bersatu kata, sama-sama merasa sakit dan sama-sama menikmati kesenangan.

Dalam soal-soal kehakiman dan keadilan pula, masyarakat Adat Perpatih ada mempunyai kata-kata perbilangan atau kanun undang-undang yang begitu menarik dan padat pengertiannya. Lihatlah seperti:

Siapa membunuh, siapa kena bunuh.

Dalam soal kehakiman dan jenayah seperti ini, masyarakat ini tidak mahu melibatkan semua unit-unit individu, siapa yang bersalah dialah yang dihukum. Mantap bunyinya undang-undang itu, mengapakah kita mesti melibatkan keluarga dan masyarakat dalam sesuatu kesalahan jenayah. Hukumlah sahaja yang berkenaan. Bukan seperti pada zaman dahulu dimana seorang yang bersalah, semua unit masyarakat akan menerima hukuman.

Hidup dikandung adat,

Mati dikandung tanah.

Perbilangan ini juga melambangkan keteguhan adat. Adat yang tidak kering oleh panas dan tidak lapuk oleh hujan. Tiap-tiap unit masyarakat adalah dibendung oleh adat, tidak dapat mereka melarikan diri dari adat. Samalah seperti kematian dimana kita tidak dapat lari dari alam kubur. Memang tepat dan tidak dapat dipertidakkkan tentang keakuan perbilangan ini.

Hukum berdiri dengan saksi.

Adat berdiri dengan tanda.

Mencincang berlandasan.

Melompat bersetumpuan.

Perbilangan ini merupakan kanun adat yang menarik. Dalam masyarakat Adat Perpatih, tiap-tiap sesuatu keputusan yang akan dibuat, haruslah ada dengan saksi dan bukti, tidak bolehlah menjalankan sesuatu itu dengan sesuka hati atau membuta tuli. Perhatikan tiap-tiap aspek agar apa yang kita lakukan itu benar-benar berjaya dan berkesan. Oleh kerana masyarakat hari ini telah dibendung dengan hukum-hukum kanun negara, maka keindahan dan kejituan undang-undang dalam perbilangan itu hanya dipraktikkan untuk beberapa peristiwa sahaja. Ketinggian nilai perbilangan itu hampir dilupai dan kadangkala mungkin tidak dapat dipraktikkan. Walau bagaimana pun "Perbilangan" ini haruslah tidak dan jangan sekali luput dari masyarakat kita. Ia patutlah dijadikan sebagai bahan sejarah yang amat berharga seperti kata pepatah:

Yang enak dikunyah-kunyah,

Yang indah diulang-ulang.

Begitulah hendaknya dengan "Perbilangan".

Ada banyak lagi rangkai-rangkai perbilangan ini yang amat menarik, penuh dengan pengajaran yang bernas, seperti:

Menghubung nak panjang.

Menyibar nak lebar.

Cicir dipungut,

Hilang dicari.

Bulat air kerana pembedung.

Bulat manusia kerana muafakat.

Perbilangan ini memberi gambaran perpaduan yang harus dipraktikkan oleh masyarakat. Kalau kita teliti dengan halus, perbilangan ini kalau diulang-ulang, disemarakkan ke telinga anak-anak, sudah tentu sedikit sebanyak dapat mengingatkan mereka betapa unggulnya masyarakat lampau, terutamanya dari segi perpaduan.

Kata-kata perbilangan yang begitu indah, dapat memberi sindiran yang berkesan dan pengajaran yang mendalam kepada kelompok-kelompok yang egoistik, seperti perbilangan ini:

Mengaji daripada Alif.

Membilang daripada esa,

Sakit bermula.

Mati bersebab.

Hujan berpokok.

Kata berpangkal.

Kain rabak tegal dek lenggang awak.

Baju rabik tegal dek lenggok awak.

Kupiah pesok tegal dek Ionjak awak.

Mendalam sekali pengertian sindiran "Perbilangan" di atas. Apabila mendengar susunan kata-kata yang indah ini, seseorang itu akan segera berasa insaf, mungkin akan surut ke belakang kiranya tindakannya itu melebihi dari sepatutnya. Susunan bahasa yang ringkas itu, bertenaga sekali menyampaikan mesej yang diterima secara spontan. Pengertian dapat dipintas secara halus dan berkesan. Perbilangan ini juga menunjukkan kesederhanaan bentuk dan pengertian isi, dengan undang-undang alam yang tersendiri.

Setiap individu yang normal, faham tentang apa yang disampaikan oleh sesuatu perbilangan itu, akan terjaga dan sedar dari mimpi (kiranya ia bermimpi) sebaik sahaja mendengar perbilangan-perbilangan ini.

Seorang ibu yang hendak menasihatkan anak mudanya, anak muda yang telah terlanjur melakukan sesuatu yang jelik pada pandangan masyarakat, mungkin akan segera sedar kiranya ibu tadi menyulami kata-kata nasihatnya dengan perbilangan-perbilangan tadi. Lebih-lebih lagi jika ibu itu telah mendapat keterangan yang pasti mengenai perbuatan anaknya. Mungkin ibu itu akan berkata:

Rumbun bakar berpuntung suluh,

Curi samun tertetas dinding,

Upas racun bersisa makan.

Perbilangan di atas menerangkan dengan jelas bahawa tiap-tiap sesuatu yang berlaku itu ada dengan tanda, bukti dan saksi.

Kadangkala adat akan diketepikan apabila kata sepakat dari anak-buah lebih bererti lagi daripada adat seperti kata perbilangan:

Alah bisa tegal biasa,

Alah adat tegal muafakat.

Demikian tinginya nilai perpaduan di kalangan masyarakat kita, persatuan pendapat dan fikiran dapat menggantikan adat kiranya perlu, masyarakat yang begitu ideal di mana-mana boleh ganti-mengganti asalkan perpaduan tercapai.

Dalam mengabadikan sesuatu yang indah dan penuh dengan ertikata bermasyarakat, khasnya perbilangan ini yang tidak dapat lari daripada keindahan pemakaian bahasa, haruslah difahami benar-benar akan pengertian pantun ini:

Yang kurik hanya kendi,

Yang merah hanya saga.

Yang cantik hanya budi.

Yang indah hanya bahasa.

Bahawa budi bahasa memang tidak dapat dijual beli. Melalui perbilangan-perbilangan kita dapat melentur masyarakat melalui pemakaiannya untuk dijadikan sumber ilham dalam melahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab.